Many developments have taken place in the national forestry sector, both nationally and internationally as well as national commitments in agreements and conventions, where it justifies the enactment of a forestry policy for Malaysia that covers the needs and interests of the three regions; Peninsular, Sabah, and Sarawak. In addition, the formulation of a comprehensive forestry policy is a manifestation of the country's commitment to implementing Sustainable Forest Management (SFM) which is a major agenda at the international level.

Usaha menggubal Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah bermula sejak tahun 2016 melalui beberapa siri bengkel dan mesyuarat bagi mendapatkan pandangan, maklum balas serta persetujuan ketiga-tiga wilayah sebelum dimuktamadkan isi kandungannya. Secara ringkasnya, DPM ini adalah bersifat umum dan juga mengambil kira kepentingan pengurusan perhutanan di ketiga-tiga wilayah. Ia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar-dasar perhutanan negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Efforts to formulate the Malaysian Forestry Policy (DPM) have begun since 2016 through a series of workshops and meetings to obtain the views, feedback, and agreement of the three regions before finalizing its contents. In short, the DPM is general and considers the importance of forestry management in the three regions. It will be a reference and guide to the forestry policies of the Peninsular, Sabah, and Sarawak.

Bagi tujuan penggubalan DPM, ketiga-tiga wilayah pada tahun 2016 telah bersetuju untuk memuktamadkan semakan semula dasar perhutanan sedia ada di wilayah masing-masing dengan merujuk kepada kenyataan dasar dan rasional dasar yang sama di bawah DPM. Selain itu, ketiga-tiga wilayah juga telah mengadakan konsultasi di peringkat wilayah masing-masing dengan menggunakan kerangka kerja yang sama sebelum penggubalan DPM dimuktamadkan.

To draft DPM, the three regions in 2016 have agreed to finalize the review of existing forestry policies in their respective regions with reference to the same policy statement and policy rationale under DPM. In addition, the three regions have also held consultations at the regional level using the same framework before the drafting of DPM is finalized.

Dasar berkaitan perhutanan sebelum ini dikenali sebagai Dasar Perhutanan Negara 1978 yang menggantikan Dasar Perhutanan Sementara 1952. Dasar Perhutanan Negara 1978 merupakan teras utama dalam memacu pengurusan, pembangunan dan pentadbiran sektor

The forestry-related policy was previously known as the National Forestry Policy 1978 which replaced the Interim Forestry Policy 1952. The National Forestry Policy 1978 is the main thrust in driving the management, development, and administration of the forestry sector in maintaining its

perhutanan dalam pengekalan peranan pentingnya terhadap pertumbuhan ekonomi negara di samping keseimbangan dengan kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

important role in the country's economic growth as well as balance with environmental stability and social well-being.

Dasar ini seterusnya telah dipinda pada tahun 1992 bagi menangani isu-isu semasa yang telah dibangkitkan oleh masyarakat antarabangsa ke atas kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber-sumber genetik serta peranan masyarakat tempatan dalam pembangunan sumber hutan. Walau bagaimanapun, pemakaian Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) hanya meliputi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

This policy was subsequently amended in 1992 to address current issues raised by the international community on the importance of conservation of biological diversity and the use of genetic resources as well as the role of local communities in forest resource development. However, the application of the National Forestry Policy 1978 (Amendment 1992) only covers the states in the Peninsular.

Bagi mengelakkan kekeliruan berhubung pemakaian Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992), satu dasar perhutanan yang baharu khususnya bagi Semenanjung juga digubal bagi menggantikan dasar sedia ada yang akan memberi tumpuan dalam pembangunan dan pengurusan hutan di negeri-negeri Semenanjung.

To avoid confusion regarding the application of the National Forestry Policy 1978 (Amendment 1992), a new forestry policy especially for the Peninsular was also formulated to replace the existing policy which would focus on forest development and management in the Peninsular states.

Secara amnya, DPM akan disokong oleh tiga dasar perhutanan di setiap wilayah (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah yang terkini akan dimasukkan sebagai lampiran ke dalam

In general, DPM will be supported by three forestry policies in each region (Peninsular, Sabah and Sarawak). The three regional forestry policies are included as an appendix to the DPM so that the resulting forestry policy can function as a



YAB Perdana Menteri dan YB Menteri KeTSA turut menanam pokok Resak (*Vatica yeechongii*).
Resak trees (Vatica yeechongii) planted by the YAB Prime Minister and YB Minister of KeTSA.

DPM agar dasar perhutanan yang dihasilkan dapat berfungsi sebagai satu dokumen rujukan yang lengkap.

complete reference document.

Selaras dengan penggubalan DPM, ketiga-tiga wilayah telah bersetuju meminda dasar perhutanan sedia ada masing-masing dengan merujuk kepada kenyataan, rasional dan objektif yang telah dipersetujui pada tahun 2017 dan digariskan di bawah DPM.

In line with the enactment of DPM, the three regions have agreed to amend their respective existing forestry policies with reference to the statement, rationale and objectives that were agreed in 2017 and stated in DPM.

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020 (DPSM 2020) merupakan dasar baharu yang digubal berasaskan kepada kajian semula yang dijalankan ke atas Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). DPSM 2020 ini merupakan satu garis panduan bagi menjamin pengekalan sumber hutan di Semenanjung Malaysia. Dasar ini adalah teras utama dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara mampan selaras dengan keperluan sosioekonomi dan alam sekitar.

The Peninsular Malaysia Forestry Policy 2020 (DPSM 2020) is a new policy formulated based on the review conducted on the National Forestry Policy 1978 (Amendment 1992). DPSM 2020 is a guideline to ensure the conservation of forest resources in Peninsular Malaysia. This policy is the main thrust in managing and sustainably developing forest resources in line with socio-economic and environmental needs.

DPSM 2020 digubal dengan memfokuskan perkara-perkara berkaitan kelestarian sumber hutan, konservasi kepelbagaian sumber hutan, kemampanan perkhidmatan hutan, kesejahteraan ekonomi dan kesinambungan industri, perundangan dan penguatkuasaan, keterangkuman dan keterlibatan

DPSM 2020 was formulated with a focus on matters related to forest resource sustainability, conservation of forest resource diversity, sustainability of forest services, economic well-being and industrial sustainability, legislation and enforcement, stakeholder inclusion and involvement, social and indigenous welfare, research,



YAB Perdana Menteri dan YB Menteri KeTSA melihat buku Dasar Perhutanan Malaysia.
The YAB Prime Minister and YB Minister of KeTSA look at the Malaysian Forestry Policy book.

pihak berkepentingan, kesejahteraan sosial dan orang asli, penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi serta masyarakat berpencerahan. Penggubalan DPSM 2020 ini turut mengambil kira perkembangan baharu isu-isu perhutanan semasa supaya pembangunan sektor perhutanan terus maju dan kekal relevan. Elemen-elemen utama yang digariskan di bawah DPSM 2020 merangkumi Kenyataan Dasar, Rasional Dasar dan Objektif Dasar.

development, commercialization, and innovation as well as an enlightened society. The formulation of DPSM 2020 also considers new developments on current forestry issues so that the development of the forestry sector continues to progress and remain relevant. The key elements outlined under DPSM 2020 include the Policy Statement, Policy Rationale, and Policy Objectives.

Terdapat sembilan (9) teras utama telah digubal dan disusun bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. DPSM 2020 juga menggariskan 27 strategi dan 126 pelan tindakan bagi membantu Jabatan/Agensi berkaitan di Semenanjung Malaysia yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan perancangan dan pengurusan sumber hutan negara ke arah pencapaian PHSB.

There are nine (9) main thrusts that have been formulated and compiled to achieve the objectives that have been set. DPSM 2020 also outlines 27 strategies and 126 action plans to assist the relevant Departments/Agencies in Peninsular Malaysia that are directly involved in implementing the planning and management of national forest resources towards the achievement of SFM.

Hutan pada masa ini tidak lagi dianggap sebagai sumber untuk pengeluaran kayu-kayan untuk pembangunan sosioekonomi negara semata-mata. Malahan, fungsi perlindungan sumber hutan dalam pemeliharaan kepelbagaian biologi, kestabilan alam sekitar dan pengekalan budaya masyarakat menjadi lebih penting. Penggubalan DPM dan DPSM 2020 akan menyediakan hala tuju serta memantapkan lagi pelaksanaan PHSB bagi memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan lestari negara.

Forests are currently no longer considered a source for timber production for the socio-economic development of the country alone. In fact, the function of forest resource protection in the conservation of biological diversity, environmental stability, and cultural preservation of communities become more important. The formulation of DPM and DPSM 2020 will provide direction and further strengthen the implementation of SFM to ensure that the forestry sector continues to contribute towards the achievement of sustainable development in the country.

Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin telah melancarkan Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021 di Taman Botani Kepong (KBG), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 21 Mac 2021. Perdana Menteri berkata semua negeri bersetuju menerima pakai dasar itu yang menggariskan hala tuju jelas bagi sektor perhutanan dalam menghadapi cabaran baharu di peringkat domestik dan antarabangsa pada mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 yang diadakan pada 21 Januari 2021. Perdana Menteri turut menanam pokok Resak (*Vatica yeechongii*) sebagai simbol pelancaran dasar dan Hari Hutan Antarabangsa 2021 peringkat kebangsaan.

YAB Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, the 8th Prime Minister launched the Malaysia Forestry Policy in conjunction with the national-level International Day of Forests 2021 celebration at the Kepong Botanical Gardens (KBG), Forest Research Institute Malaysia (FRIM) on 21 March 2021. The Prime Minister said all states have agreed to adopt the policy which outlined a clear direction for the forestry sector is facing new challenges at domestic and international levels at the 78th National Land Council (NLC) meeting held on 21 January 2021. The Prime Minister also planted a Resak tree (Vatica yeechongii) as a symbol of launching the policy and the national-level International Day of Forests 2021.

ARTIKEL 2
Article

Majlis Pelancaran Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

Launching Ceremony Of Greening Malaysia Programme: 100 Million Tree-Planting Campaign



YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica*) yang telah diisytiharkan sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia.
YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Prime Minister of Malaysia has planted Merbau tree (Intsia Palembanica), the Malaysian National Tree.

PUTRAJAYA: Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Ia juga bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia. Program ini telah dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Januari 2021 di Seri Perdana, Putrajaya. Program yang bertemakan "Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita" ini mensasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

PUTRAJAYA: Greening Malaysia Programme: 100 Million Tree-Planting Campaign aims to raise awareness of all parties on the importance of green cover areas and forests for well-being and quality of life as well as efforts to improve our country's ecosystem and biodiversity. It is also to enhance love for nature through planting of various types of trees to all Malaysian as well as supporting the commitment to maintain the forested area in Malaysia. The programme was launched by Prime Minister of Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin on 5th January 2021 at Seri Perdana, Putrajaya. The theme of the program is "Greening Malaysia: Our Trees, Our Lives" aims to plant 100 million trees over five (5) year period from 2021 to 2025.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Yayasan Hijau Malaysia dan Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri akan mengadakan

The Ministry of Energy and Natural Resources and it's agencies, Forestry Department of Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department, Sarawak Forest Department, Forest Research Institute Malaysia, Yayasan Hijau Malaysia and the State Forestry Departments will promote

program-program bagi merakyatkan program ini dengan melibatkan seluruh penduduk Malaysia dari pelbagai latar belakang.

this program which involves all Malaysians from various backgrounds.

Majlis pelancaran program ini turut dihadiri oleh YB Datuk Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Majlis pelancaran program ini juga dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia secara atas talian di mana YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri melaksanakan aktiviti penanaman pokok di negeri masing-masing sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan program ini.

The launching ceremony also was attended by YB Datuk Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Minister of Energy and Natural Resources, YB Datuk Ali Biju, Deputy Minister of Energy and Natural Resources, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Chief Secretary to the Government, YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Secretary General of the Ministry of Energy and Natural Resources and YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Director General of Forestry Peninsular Malaysia. The ceremony was also carried out simultaneously throughout Malaysia using online platform where all the Chief Minister carried out tree planting activities in their respective states as a symbol of support for the implementation of the programme.

Sebagai simbolik pelancaran program ini, YAB Perdana Menteri Malaysia telah menanam Pokok Kebangsaan Malaysia iaitu pokok Merbau (*Intsia palembanica*) serta melancarkan aplikasi mudah alih Penghijauan Malaysia dan laman web Penghijauan Malaysia yang akan digunakan untuk memantau pelaksanaan dan pencapaian program ini.

To signify this program, YAB Prime Minister of Malaysia has planted Merbau tree (Intsia palembanica), the Malaysian National Tree as well as launched the Greening Malaysia mobile application and website which will be used to monitor implementation and achievements of this program.

Program ini merupakan ikrar dan komitmen kerajaan yang berlandaskan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 iaitu menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau. Selain itu, pelaksanaan program ini juga menyokong usaha negara dalam membina semula rangkaian hutan dan merupakan sebahagian daripada komitmen negara di peringkat global dalam menangani perubahan iklim.

This program also shows the commitment of the government based on the Shared Prosperity Vision 2030 which contributes to a greener future. In addition, this program also will supports the country's efforts in reconnecting the forest network and part of the country's commitment in dealing with climate change issue.



Sesi Bergambar bersama YAB Perdana Menteri Malaysia.
Photo session with YAB Prime Minister of Malaysia

ARTIKEL 3
Article

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-26

The 26th Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC COP-26)

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) merupakan salah satu persidangan utama dunia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berpusat di Bonn, Jerman. Konvensyen ini diperkenalkan pada tahun 1992 dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro, Brazil dan mula dikuatkuasakan pada 21 Mac 1994. Malaysia telah menjadi negara anggota mulai 13 Julai 1994 dan kini, Konvensyen ini mempunyai seramai 197 negara anggota.

The United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) is one of the world's main conferences under the United Nations Organization based in Bonn, Germany. The Convention was introduced in 1992 at the Earth Summit in Rio de Janeiro, Brazil, and came into force on March 21, 1994. Malaysia has been party to the Convention since July 13, 1994, and to date, the Convention has a total of 197 parties.

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) ditubuhkan bertujuan untuk menstabilkan konsentrasi gas rumah kaca (Greenhouse gas-GHG) di atmosfera pada tahap yang tidak mengganggu sistem iklim. UNFCCC juga merupakan salah satu persidangan utama dunia yang merundingkan pelbagai isu perubahan iklim khususnya berkaitan pelaksanaan tindakan di bawah protokol dan perjanjian global seperti Protokol Kyoto dan Perjanjian Paris.

The United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) was established with the aim to stabilize the concentrations of green house gas (GHG) in the atmosphere at a level that does not disturb the climate system. The UNFCCC is also one of the world's main conference that discusses various climate change issues, particularly related to the implementation of actions under global protocols and agreements such as the Kyoto Protocol and the Paris Agreement.

Di bawah UNFCCC, Protokol Kyoto diwujudkan bertujuan untuk menggariskan perincian langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara-negara maju (juga dikenali sebagai negara Annex I) yang bertanggungjawab ke atas pelepasan kumulatif GHG sejak permulaan revolusi perindustrian termasuk untuk menetapkan had pelepasan sebagai komitmen pengurangan (reduction commitment) pelepasan GHG mereka.

Under the UNFCCC, the Kyoto Protocol was established to outline the detail steps to be taken by the developed countries (also known as Annex I countries) that responsible for cumulative GHG emissions since the beginning of the industrial revolution including setting their emissions limit as reduction commitment.

Perjanjian Paris adalah perjanjian antarabangsa berkenaan perubahan iklim yang terikat secara undang-undang (legally-binding) dan diterima pakai pada tahun 2015. Perjanjian ini telah dirundingkan oleh 196 negara di Paris, Perancis pada persidangan UNFCCC COP-21. Perjanjian Paris merangkumi mitigasi perubahan

The Paris Agreement is a legally-binding international agreement on climate change and was adopted in 2015. The agreement was negotiated by 196 countries in Paris, France at the UNFCCC COP-21 conference. The Paris Agreement covers climate change mitigation, adaptation, and finance. The main goal of the Paris Agreement is to

iklim, adaptasi dan kewangan. Matlamat utama Perjanjian Paris adalah mengekalkan kenaikan purata suhu global kepada di bawah 2ºC di atas paras pra-industri dan mengehadkan peningkatan kepada 1.5ºC dengan andaian akan mengurangkan kesan perubahan iklim. Perjanjian Paris adalah perjanjian pendek yang merangkumi 16 perenggan pengenalan dan 29 Artikel. Kandungannya terdiri daripada tatacara/prosedur dan artikel operasi (mitigasi, adaptasi dan kewangan).

keep the global average temperature rise to below 2ºC above pre-industrial levels and to limit the increase to 1.5ºC on the assumption that it would reduce the effects of climate change. The Paris Agreement is a short agreement that includes 16 introductory paragraphs and 29 Articles. It consists of procedures and operating articles (mitigation, adaptation, and finance).

Di bawah UNFCCC, *Conference of Parties (COP)* bertindak sebagai badan pembuat keputusan tertinggi yang akan bermesyuarat pada setiap tahun untuk menilai kemajuan dalam menangani perubahan iklim. Terdapat dua badan utama yang membantu COP iaitu *Subsidiary Body for Scientific and Technological Advice* (*SBSTA – Article 9*) dan *Subsidiary Body for Implementation* (*SBI- Article 10*) yang menyokong peranan COP, CMP (Protokol Kyoto) dan CMA (Perjanjian Paris) melalui penyediaan maklumat/nasihat saintifik, teknologi serta pelaksanaan tindakan di bawah UNFCCC.

Under the UNFCCC, the Conference of Parties (COP) acts as the highest decision-maker body that will meet annually to assess progress in tackling climate change. There are two main bodies that assist the COP, namely the Subsidiary Body for Scientific and Technological Advice (SBSTA-Article 9) and the Subsidiary Body for Implementation (SBI-Article 10) which support the role of the COP, CMP (Kyoto Protocol), and CMA (Paris Agreement) through the preparation of information/ scientific advice, technology, as well as the implementation of actions under the UNFCCC.

Terkini, COP ke-26 UNFCCC telah diadakan pada 31 Oktober hingga 13 November 2021 bertempat di Scottish Event Centre, Glasgow, Scotland, United Kingdom. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku focal point kepada isu-isu perubahan iklim negara. Selain KASA, delegasi negara terdiri daripada wakil Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Luar Negeri (KLN), Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Penyertaan KeTSA dalam COP ini adalah sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap isu perhutanan, tenaga dan mekanisme REDD Plus. Dua orang pegawai JPSM iaitu YBhg. Datuk Jeffri bin Abd Rasid, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan dan Cik Iqtie Qamar Laila binti Mohd Gani, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa turut menyertai delegasi ini.

Recently, the UNFCCC COP26 was held from 31st October to 13th November 2021 at the Scottish Event Center, Glasgow, Scotland, United Kingdom. The Malaysian delegation was led by the Ministry of Environment and Water (KASA) as a focal point on climate change issues in the country. Apart from KASA, the national delegation include representatives from the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA), Ministry of Finance (MOF), Ministry of Foreign Affairs (KLN), Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department (EPU), Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI), Ministry of Plantations, Industries and Commodities (MPIC) and the Securities Commission Malaysia. KeTSA participation in this COP as the ministry responsible for forestry issues, energy, and the REDD Plus mechanism. Two FDPM officers have particpated as the delegation, namely YBhg. Datuk Jeffri bin Abd Rasid, Director of the Forestry Training Division, and Ms. Iqtie Qamar Laila Binti Mohd Gani, Senior Assistant Director, International Affairs Division.

Dalam persidangan *The 26th Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC COP-26) di Glasgow, United Kingdom, Malaysia telah menyokong dan menandatangan Deklarasi *Glasgow Leader's Declaration on Forests and Land Use* yang mana deklarasi ini adalah usaha bersama bagi menghentikan penyahutanan, kehilangan hutan dan degradasi tanah menjelang 2030. Antara usaha-usaha bersama yang digariskan di bawah deklarasi ini adalah:

At The 26th Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC COP-26) in Glasgow, United Kingdom, Malaysia has pledged and signed the Glasgow Leader's Declaration on Forests and Land Use which is a joint effort to halt deforestation, reverse forest loss and land degradation by 2030. The joint efforts outlined under this declaration are:

(a)	Memulihara hutan dan ekosistem daratan serta mempercepatkan restorasi hutan;	*(a)*	*Conserve forests and terrestrial ecosystems and accelerate their forest restoration;*
(b)	Memudahkan dasar perdagangan dan pembangunan di peringkat antarabangsa dan domestik bagi menggalakkan pembangunan, pengeluaran dan penggunaan komoditi yang mampan yang berfungsi untuk faedah bersama negara dan yang tidak mendorong penebangan hutan dan degradasi tanah;	*(b)*	*Facilitate trade and development policies, internationally and domestictically, that promote sustainable development and sustainable commodity production and consumption that work to countries' mutual benefit and that do not drive deforestation and land degradation;*
(c)	Mengurangkan kerentanan, membina ketahanan dan meningkatkan sumber kehidupan luar bandar melalui pemerkasaan komuniti, pembangunan yang menguntungkan, pertanian mampan dan pengiktirafan terhadap kepelbagaian nilai hutan, mengiktiraf hak Orang Asli serta masyarakat tempatan selaras dengan perundangan negara dan instrumen antarabangsa yang berkaitan;	*(c)*	*Reduce vulnerability, build resilience and enhance rural livelihoods, including through empowering communities, the development of profitable, sustainable agriculture, and recognition of the multiple values of forests, while recognising the rights of Indigenous Peoples, as well as local communities, in accordance with relevant national legislation and international instruments, as appropriate;*
(d)	Melaksana dan mereka bentuk semula dasar dan program pertanian untuk memberi insentif kepada pertanian mampan, menggalakkan sekuriti makanan dan memanfaatkan alam sekitar;	*(d)*	*Implement and redesign agricultural policies and programmes to incentivise sustainable agriculture, promote food security and benefit the environment;*
(e)	Menegaskan semula komitmen kewangan antarabangsa dan meningkatkan kewangan dan pelaburan dengan signifikan daripada pelbagai sumber awam dan swasta di samping menambah baik keberkesanan dan kebolehcapaian untuk membolehkan pertanian mampan, pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan pemulihan hutan dan sokongan kepada Orang Asli dan masyarakat tempatan;	*(e)*	*Reaffirm international financial commitments and significantly increase finance and investment from a wide variety of public and private sources, while also improving its effectiveness and accessibility, to enable sustainable agriculture, sustainable forest management, forest conservation and restoration, and support for Indigenous Peoples and local communities;*
(f)	Memudahcarakan aliran kewangan sejajar dengan matlamat antarabangsa untuk menghentikan kehilangan hutan dan degradasi di samping memastikan dasar dan dan sistem yang teguh untuk mempercepatkan peralihan kepada ekonomi yang berdaya tahan dan mendahulukan hutan, guna tanah yang mampan, biodiversiti dan matlamat iklim.	*(f)*	*Facilitate the alignment of financial flows with international goals to reverse forest loss and degradation, while ensuring robust policies and systems are in place to accelerate the transition to an economy that is resilient and advances forest, sustainable land use, biodiversity and climate goals.*



YB Menteri KASA semasa menyampaikan kenyataan negara di COP26 UNFCCC.
YB Minister of KASA delivered the national statement at COP26 UNFCCC.

Tindakan susulan JPSM terhadap UNFCCC COP-26
FDPM's follow-up actions on UNFCCC COP-26

i. Pelaporan *Agriculture, Forestry and Other Land Use – Land Use, Land Use Change and Forestry* (AFOLU-LULUCF)

Bagi pelaporan AFOLU-LULUCF, JPSM akan terlibat terhadap pelaporan ini. Dalam hal ini, konsistensi data perlu diberi perhatian utama, khususnya maklumat berkaitan pengusahasilan hutan dan unjuran pengusahasilan hutan serta jumlah *harvested wood products* perlu dipertimbangkan di dalam laporan tersebut. Laporan adalah berdasarkan format yang akan disediakan oleh UNFCCC.

i. Agriculture, Forestry and Other Land Use Reporting - Land Use, Land Use Change and Forestry (AFOLU-LULUCF)

FDPM will be involved in the AFOLU-LULUCF reporting. In this case, data consistency should be given priority, especially on information related to forest harvesting and its projection as well as harvested wood products volume. The report is based on a format that will be provided by the UNFCCC.

ii. Pasaran Karbon

JPSM akan terlibat untuk melaksanakan pasaran karbon hutan yang akan diselia oleh KeTSA melalui pematuhan panduan yang ditetapkan oleh UNFCCC seperti berikut:

ii. Carbon Market

FDPM will be involved in implementing the forest carbon market that will be supervised by KeTSA through the guidelines compliance set by the UNFCCC as follows:

- Menyedia dan mengemukakan laporan awal;
- Menyedia dan mengemukakan laporan tahunan;
- Menyedia dan mengemukakan laporan tetap;
- pendekatan berkumpulan *(nesting approaches)*;
- Memastikan elemen hak asasi manusia dan integriti alam sekitar dalam projek-projek karbon;
- Memastikan elemen *permanence, additionality and adjustments* untuk kredit perhutanan;
- hutan agar berada dalam had yang ditetapkan;
- Menjalankan langkah tindak balas, penilaian ekonomi dan sosial dalam semua projek karbon;
- Mewujudkan pangkalan data Artikel 6 yang membolehkan perkara-perkara seperti berikut dilaksanakan:

  a) *Recording of corresponding adjustments and emissions balances and information on Internationally Transferred Mitigation Outcomes (ITMOs) first transferred, transferred, acquired, held, cancelled, cancelled for overall mitigation in global emissions, if any, and/ or used by participating Parties, through identification of ITMOs by unique identifiers that identify, at the minimum, the participating Party, vintage of underlying mitigation, activity type, and sector;* dan

  b) *identifying inconsistencies to be notified to the participating Party or participating Parties, as applicable.*

- Lima peratus (5%) daripada hasil penjualan kredit karbon oleh kerajaan negeri di peringkat antarabangsa harus diberikan kepada *Adaptation Fund* di bawah UNFCCC. Dalam konteks Malaysia, terdapat keperluan dari segi dasar tentang cara melaksanakan *share of proceeds* untuk unit perhutanan. KASA akan melaporkan semua transaksi karbon setiap tahun dan secara konsisten bersama-sama dengan amaun *share of proceeds*; dan

- Tempoh pengkreditan bagi sektor perhutanan hendaklah mengikut tempoh pengkreditan negara dan dalam tempoh NDC.

- *Prepare and submit preliminary reports;*
- *Prepare and submit annual reports;*
- *Prepare and submit permanent report;*
- *Develop national baseline and nesting approaches;*
- *Ensuring elements of human rights and environmental integrity in carbon projects;*
- *Ensuring elements of permanence, additionality and adjustments for forestry credit;*
- *Monitoring forest credit issuance to be within the set limits;*
- *Conducting response measure actions, economic and social evaluation in all carbon projects;*
- *Establishing an Article 6 database to enable the following to be implemented:*

  a) *Recording of corresponding adjustments and emissions balances and information on Internationally Transferred Mitigation Outcomes (ITMOs) first transferred, transferred, acquired, held, cancelled, cancelled for overall mitigation in global emissions, if any, and/ or used by participating Parties, through identification of ITMOs by unique identifiers that identify, at the minimum, the participating Party, vintage of underlying mitigation, activity type, and sector; dan*

  b) *identifying inconsistencies to be notified to the participating Party or participating Parties, as applicable.*

- *Five percent (5%) of the international carbon credit revenue collected by the state governments will be given to the Adaptation Fund under the UNFCCC. In the Malaysian context, there is a need of policy to implement share of proceeds for forestry units. KASA will report all carbon transactions annually and consistently together with the amount share of proceeds; and*

- *Crediting period for forestry sector should be in accordance with the national crediting period and within the NDC period.*

iii. *Biennial Update Report* (BUR)

Malaysia telah menyediakan 3rd BUR (BUR-3) pada tahun 2020. Laporan BUR-4 dijangka akan disediakan pada tahun 2022 dan memerlukan input daripada JPSM bagi perkara berkaitan dengan perhutanan dan REDD Plus yang akan diselaraskan oleh KeTSA.

iv. SBI and SBSTA Jun 2022 – Isu-Isu Perhutanan dan Tenaga

Terdapat agenda-agenda mengenai perhutanan dan tenaga susulan daripada SBI dan SBSTA ke 52-55 yang akan dibawa ke SBI dan SBSTA ke 56 yang akan diadakan pada bulan Jun 2022. Dalam hal ini, JPSM perlu bersedia dengan isu-isu yang masih belum diputuskan dan akan dibawa ke sesi SBI dan SBSTA yang seterusnya.

v. Penggubalan Kerangka Undang-Undang Perubahan Iklim Negara

KASA telah melantik UKM Pakarunding Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kajian pembangunan kerangka undang-undang perubahan iklim negara. Dalam hubungan ini, JPSM telah terlibat dalam konsultasi yang dilaksanakan oleh KASA dan perunding. Penggubalan suatu kerangka undang-undang baharu berkaitan perubahan iklim ini dijangka membawa implikasi kepada aktiviti dan Akta/Enakmen/Ordinan sedia ada di bawah sektor sumber asli terutamanya perhutanan, perlombongan dan guna tanah.

iii. Biennial Update Report (BUR)

Malaysia had prepared the 3rd BUR (BUR-3) in 2020. The 4th BUR report is expected to be prepared in 2022 and requires input from FDPM on matters related to forestry and REDD Plus, which will be coordinated by KeTSA.

iv. SBI and SBSTA June 2022 - Forestry and Energy Issues

There were forestry and energy agendas from SBI and SBSTA 52–55 that will be brought to SBI and SBSTA 56, which will be held in June 2022. In this regard, FDPM needs to prepare with issues that have yet to be decided and will be brought to the next SBI and SBSTA sessions.

v. Drafting the National Climate Change Legal Framework

KASA has appointed UKM Pakarunding Sdn. Bhd. to carry out a study on the development the national climate change legal framework. In this regards, FDPM has involved in the consultations carried out by KASA and consultants. The drafting of a new legal framework related to climate change is expected to implicate existing activities and Acts/ Enactments/Ordinances under the natural resources sector, especially forestry, mining, and land use.



Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)

Malaysian delegation led by the Secretary-General, Ministry of Environment and Water (KASA)

Profil Jabatan Perhutanan Negeri

State Forestry Department's Profile



1976-1977
K.D Menon
J.S.M., K.M.N.



1977-1987
Dato' Muhammad bin Jabil
D.S.N.S., J.M.N., K.M.N., P.J.K.



1987-1992
Dato' Mohammed Darus bin Hj. Mahmud
D.P.C.M., J.S.M., K.M.N., S.M.P., P.M.P.



1992-1997
Dato' Ismail bin Awang
D.P.M.P., J.S.M., S.M.T.,
K.M.N., B.C.K., P.J.C.



JOHOR

Ibu Negeri / *State Capital*	:	JOHOR BAHRU
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Tingkat 2, Bangunan Dato' Mohammad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar, 79660 Nusajaya, Johor
No. Tel. / *Tel. No.*	:	07-266 7433
No. Faks / *Fax No.*	:	07-266 1288
Pengarah / *Director*	:	Dato' Salim bin Aman
Emel / *Email*	:	salimaman@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.forestry.johor.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	3.66
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	1,908,812
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	443,129
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	1,465,683
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	334,502
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	26,382
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	29,375
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	111,454
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,600
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	1,745
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	4,202
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	68
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	8
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	13
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	18,080,054
	- Emolumen / *Emolument*	15,141,017
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	2,681,960
	- Aset / *Assets*	122,280
	- Lain-lain / *Others*	134,797
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	3,989,433

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest and Alienated Land

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/State Forestry Department



KEDAH

Ibu Negeri / *State Capital*	:	ALOR SETAR
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah
No. Tel. / *Tel. No.*	:	04-733 3844 / 04-733 3901
No. Faks / *Fax No.*	:	04-731 0610
Pengarah / *Director*	:	Muhammad bin Abdullah
Emel / *Email*	:	matdollah@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.kedforestry.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	2.12
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	946,616
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	344,850
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	601,766
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	341,881
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	4,824
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	455
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	-
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	4,200
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	6,947
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	127,877
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	38
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	3
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	13
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	19,378,600
	- Emolumen / *Emolument*	15,491,900
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	3,501,400
	- Aset / *Assets*	385,300
	- Lain-lain / *Others*	-
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	6,429,776

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest and Alienated Land

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/ State Forestry Department



KELANTAN

Ibu Negeri / *State Capital*	:	KOTA BHARU
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Blok 5, Tingkat 1, Kompleks Kota Darul Naim, 15503 Kota Bharu, Kelantan
No. Tel. / *Tel. No.*	:	09-748 1957
No. Faks / *Fax No.*	:	09-744 5675
Pengarah / *Director*	:	Abdul Khalim bin Abu Samah
Emel / *Email*	:	abkhalim@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.jpnk.kelantan.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	1.80
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	1,503,637
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	767,203
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	736,434
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	629,881
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	42,518
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	57,072
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	-
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	3,900
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	12,927
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	641,337
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	64
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	5
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	1
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	15,502,623
	- Emolumen / *Emolument*	12,402,571
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	2,908,997
	- Aset / *Assets*	79,120
	- Lain-lain / *Others*	111,935
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	8,424,793

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest, State Land and Alienated Land

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/ State Forestry Department



MELAKA

Ibu Negeri / *State Capital*	:	BANDARAYA MELAKA
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, 75450 Ayer Keroh, Melaka
No. Tel. / *Tel. No.*	:	06-231 6095
No. Faks / *Fax No.*	:	06-232 2867
Pengarah / *Director*	:	Khirun Nizam bin Abdul Rahim
Emel / *Email*	:	khirunnizam@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.forestry.melaka.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	0.90
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	167,018
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	5,448
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	161,570
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	5,199
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	-
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	224
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	99
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	-
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	5
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	-
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	24
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	1
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	-
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	2,404,822
	- Emolumen / *Emolument*	1,912,992
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	451,460
	- Aset / *Assets*	38,350
	- Lain-lain / *Others*	2,020
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	294,705

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Kawasan Tanah Berimilik / *Alienated Land*

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/ State Forestry Department



NEGERI SEMBILAN

Ibu Negeri / *State Capital*	:	SEREMBAN
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Blok C, Tingkat 4, Kompleks Setiausaha Kerajaan, 70503 Seremban, Negeri Sembilan
No. Tel. / *Tel. No.*	:	06-765 9849
No. Faks / *Fax No.*	:	06-762 3711
Pengarah / *Director*	:	Saleh bin Awaludin
Emel / *Email*	:	saleh@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.forestry.ns.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	1.10
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	665,846
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	157,866
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	507,980
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	155,102
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	1,274
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	2,764
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	-
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,000
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	2,200
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	44,430
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	33
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	3
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	4
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	13,021,782
	- Emolumen / *Emolument*	10,668,041
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	2,112,070
	- Aset / *Assets*	232,709
	- Lain-lain / *Others*	8,962
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	3,678,011

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara / *As stipulated by the National Land Council*

\+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Berimilik
Includes Permanent Reserved Forest and Alienated Land

\# - Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri
Wildlife Reserve is a reserve under the supervision of the Department of Wildlife and National Parks (DWNP)/ State Forestry Department



PAHANG

Ibu Negeri / *State Capital*	:	KUANTAN
Alamat / *Address*	:	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang.
No. Tel. / *Tel. No.*	:	09-573 2911
No. Faks / *Fax No.*	:	09-573 6152
Pengarah / *Director*	:	Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin
Emel / *Email*	:	hizamri@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	:	www.forestry.pahang.gov.my

1.	Penduduk (juta) / *Population (million)* (2010)*	1.63
2.	Keluasan Negeri / *Land Area* (ha)	3,592,988
3.	Kawasan Berhutan / *Forested Area* (ha)	2,044,146
4.	Kawasan Tidak Berhutan / *Non-forested Area* (ha)	1,548,842
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	1,588,265
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	28,923
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	126,741
	d) Rizab Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)#	107,494
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	11,600
	f) Keluasan yang dilesenkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area licensed for harvesting*	25,463
	g) Pengeluaran Kayu Balak / *Production of Logs* (m^3)	771,684
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	127
	- Kilang Papan Lapis/Venir / *Plywood/Veneer Mills*	13
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	29
7.	Perbelanjaan / *Expenditure*	
	a) Mengurus / *Operation (RM)*	50,244,328
	- Emolumen / *Emolument*	38,192,488
	- Perkhidmatan dan Bekalan / *Services and Supplies*	7,696,507
	- Aset / *Assets*	4,355,333
	- Lain-lain / *Others*	-
	b) Pembangunan dan KWPH / *Development and KWPH* (RM)	20,752,202

Nota / *Note*

* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia / *Source: Department of Statistics, Malaysia*

** - Termasuk Ladang-ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

